

BAB 2

TINJAUAN DAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan analisis kesilapan. Perbincangan adalah berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji barat dan pengkaji-pengkaji tempatan. Untuk lebih spesifik lagi pengkaji akan memfokuskan perbincangan ini berdasarkan kepada aspek-aspek berikut:

- a. Latar belakang Teori Analisis Kesilapan.
- b. Tinjauan dan kajian penulisan analisis kesilapan oleh penulis-penulis barat.
- c. Tinjauan dan kajian penulisan analisis kesilapan oleh penulis-penulis tempatan.

2.2 Latar Belakang Teori Analisis Kesilapan

Analisis kesilapan muncul setelah wujudnya rasa kurang senang pakar-pakar linguistik terhadap Analisis Kontrastif. Pendokong aliran Analisis Kesilapan bersepakat menyatakan bahawa terdapat kelemahan yang jelas dalam Analisis Kontrastif.

Soh Bee Kwee (2001: 53-54) menyatakan analisis kontrastif merupakan satu cabang linguistik terapan yang membandingkan ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan lain-lain lagi di antara dua atau lebih bahasa. Tujuannya adalah untuk mencari perbezaan dan persamaan di antara bahasa yang dibandingkan. Pelopor utama yang mendokong gagasan ini ialah Charles C. Fries dan Robert Lado.

Charles C. Fries (1945) menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Teaching and Learning English as Foreign Language* bagi membincangkan isu kesilapan bahasa. Menurut Charles C. Fries lagi, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah bahan yang ditulis berdasarkan perbandingan terperinci yang dibuat di antara bahasa yang dipelajari dengan bahasa ibunda pelajar yang dihuraikan secara saintifik

"...the most efficient material are those that are base upon scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parelled description of the native language of the learn"

(Charles C. Fries:1945)

Robert Lado (1957) dalam bukunya berjudul *'Linguistics Across Cultures'* menyatakan bahawa kita dapat meramalkan dan menghuraikan bentuk yang akan menimbulkan kesukaran dalam pembelajaran dengan cara membuat perbandingan secara sistematik antara bahasa dan kebudayaan yang akan dipelajari dengan bahasa ibunda pelajar dan kebudayaannya. Beliau berpendapat:

"...the plan of the book rests on the assumption that we can predict and describe the patterns that will cause difficulty in learning and those that will not cause difficulty by comparing systematically the language and culture to be learned with the native language and culture of the student. In our view, the preparation of up-to-date pedagogical and experimental materials must be based on this kind of comparison"

(Robert Lado:1957)

Ismail Jusoh (1994:17-18) menyatakan bahawa pelopor dan pejuang analisis kontrastif membuat beberapa dasar umum sebagai pegangan mereka dalam membincangkan kesilapan bahasa. Prinsip-prinsip yang diketengahkan oleh mereka ialah :

- a. Pembelajaran bahasa itu adalah suatu pembentukan tabiat yang pelajar bina semasa belajar sesuatu bahasa .
- b. Tabiat bahasa ibunda mengganggu pembelajaran bahasa kedua. Analisis kontrastif beranggapan bahawa gangguan atau *'interference'* ini mustahak dan perlu diambil berat.

- c. Perbezaan dan persamaan yang wujud pada bahasa ibunda dan bahasa kedua, kadang-kadang memudahkan pembelajaran bahasa kedua, tetapi ada kalanya menyusahkan pelajar mempelajari bahasa kedua. Ada pendapat pendokong aliran ini menyatakan sekiranya bahasa yang dipelajari banyak persamaan dengan bahasa ibunda, maka situasi begini memudahkan pembelajaran bahasa kedua tersebut. Sekiranya bahasa ibunda banyak perbezaan dengan bahasa kedua, maka ini menyusahkan pelajar mempelajari bahasa kedua. Analisis kesilapan memberi tumpuan kepada aspek bahasa ibunda yang membantu pelajar semasa pembelajaran bahasa kedua.

- d. Pejuang analisis kontrastif menyatakan bahawa semua kesilapan bahasa ketika mempelajari bahasa kedua adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda.

- e. Analisis kontrastif menyatakan mereka dapat meramal kesilapan yang mungkin pelajar bahasa kedua akan lakukan semasa pembelajaran bahasa kedua.

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, jelaslah bahawa bahasa ibunda dan bahasa kedua dibandingbezakan untuk mencari persamaan atau perbezaan dalam struktur kedua-duanya. Analisis kontrastif berkeyakinan penuh bahawa bahasa ibunda dan bahasa kedua yang mempunyai banyak persamaan akan mudah

dipelajari dan begitulah sebaliknya. Bertitik tolak kepada pandangan tersebut itulah, maka pendokong analisis kontrastif berpendirian teguh mengatakan bahawa punca utama kesilapan bahasa kedua adalah disebabkan gangguan bahasa ibunda. Persamaan dan perbezaan antara struktur dan sistem bahasa ibunda dengan bahasa kedua akan menentukan salah dan betulnya bahasa pelajar ketika mempelajari bahasa kedua.

Kajian kesilapan bahasa seterusnya dijalankan oleh pakar-pakar bahasa dan guru-guru bahasa. Mereka mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam analisis kontrastif dan seterusnya bersepakat mengkritik pendapat aliran analisis kontrastif. Berpunca dari kritikan dan rasa kurang senang pakar-pakar linguistik terhadap analisis kontrastif inilah munculnya aliran Analisis Kesilapan. Di antara tokoh-tokoh penting yang mendokong aliran ini ialah Pit Corder dan Chomsky. Sebagaimana aliran Analisis Kontrastif, pejuang aliran Analisis Kesilapan juga turut mengemukakan dua prinsip umum sebagai panduan dalam membincangkan isu kesilapan bahasa pelajar. Prinsip-prinsip itu ialah:

- a. Kesilapan pelajar bahasa kedua atau bahasa sasaran tidak dapat diramalkan sebelum kesilapan itu dibuat. Sekiranya terdapat pengaruh bahasa ibunda, ini dapat diterangkan setelah kesilapan itu dilakukan.

- b. Kesilapan pelajar bahasa kedua tidak berpunca daripada bahasa ibunda sahaja, malahan gangguan daripada bahasa ibunda adalah sebahagian kecil sahaja daripada punca kesilapan.

Pit Corder (1967) dalam bukunya berjudul '*The Significance of Learners Errors*' telah menarik perhatian ramai ahli linguistik terhadap kesilapan-kesilapan pelajar dalam menguasai bahasa kedua. Menurut beliau, kesilapan dilihat sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam pembelajaran bahasa dan ianya bukan merupakan sebagai kesalahan atau sesuatu yang berunsur negatif semata-mata. Beliau telah mengemukakan enam konsep penting yang menjadi tunjang atau kerangka teori Analisis Kesilapan. Antara konsep itu ialah:

- a. Pemerolehan bahasa kedua sebagai pengaruh daripada perkembangan bahasa ibunda (bahasa pertama).
- b. Peringkat kecekapan pelajar yang dilihat secara keseluruhannya.
- c. Faktor intralingual dan interlingual.
- d. Proses pembinaan kreatif.
- e. Bahasa Antarabahasa.

f. Sistem dalam Bahasa Antarabahasa.

Untuk memahami dengan lebih jelas lagi mengenai konsep-konsep tersebut, pengkaji akan menghuraikan setiap satu konsep seperti berikut :

a. Pemerolehan Bahasa Kedua Sebagai Pengaruh Daripada Perkembangan Bahasa Pertama

Sumbangan paling kontroversial Analisis Kesilapan bahasa ialah kebanyakan kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa kedua tidak menggambarkan bahasa ibunda pelajar tetapi adalah seperti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belajar bahasa ibunda (Norafidah Tajuddin:1994). Hal ini bermakna bahawa kita dapat mengkaji kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa kedua dengan melihat pola-pola kesilapan yang dilakukan oleh kanak-kanak bahasa pertama. Menurut Dulay dan Burt (1982) , langkah-langkah yang diambil oleh pelajar-pelajar bahasa kedua adalah seperti kanak-kanak sewaktu belajar bahasa pertama. Bentuk-bentuk tatabahasa yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar bahasa kedua mesti dibandingkan dengan bentuk-bentuk tatabahasa kanak-kanak yang belajar bahasa pertama.

Tetapi hal ini tidak bermakna apa-apa yang dipelajari dalam bahasa pertama dipindahkan kepada bahasa kedua. Kalau Analisis Kontrastif melihat bahasa pertama sebagai punca utama kesilapan, Analisis Kesilapan pula melihat bahasa

pertama sebagai salah satu punca kesilapan. Bagi penyokong Analisis Kesilapan terdapat pengaruh positif bahasa pertama ke atas bahasa kedua. Mengikut Dulay dan Burt (1982) lagi, pandangan kita terhadap pemerolehan bahasa pertama mesti mengambil kira sistem yang digunakan oleh kanak-kanak dalam pemerolehan bahasa pertama. Dengan cara itu, cara pengajaran dan pemelajaran bahasa kedua kepada pelajar-pelajar mesti dilakukan mengikut cara kanak-kanak belajar bahasa pertama.

b. Peringkat Kecekapan Pelajar Yang Dilihat Secara Keseluruhannya

Analisis Kesilapan melihat peringkat-peringkat kecekapan pada keseluruhannya. Analisis Kesilapan mempunyai objektif untuk membuat perbandingan antara kecekapan pelajar pada masa analisis mula dibuat dengan kemampuan akhir peringkat analisis. Oleh itu, pengkaji Analisis Kesilapan perlu membuat kedua-dua kajian iaitu kajian jangka pendek (cross sectional) dan kajian jangka panjang (longitudinal).

Kajian ini perlu kerana sistem bahasa pelajar bersifat dinamis. Kita mesti sentiasa mengikuti perkembangan kecekapan pelajar setelah input-input bahasa diberi dari semasa ke semasa.

c. **.Faktor-faktor Interlingual dan Intralingual**

Faktor intralingual merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan bahasa sasaran atau bahasa kedua seperti gangguan dan pemindahan pembelajaran daripada bahasa kedua, manakala faktor Interlingual pula merujuk kepada hal-hal gangguan atau pindahan daripada bahasa pertama.

Analisis Kesilapan menyatakan bahawa terdapat "*language transfer*" daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Tetapi "*language transfer*" daripada bahasa sasaran atau bahasa kedua memainkan peranan yang lebih penting. Bagi Analisis Konstrastif, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa kedua adalah sebagai akibat pemindahan bahasa kedua daripada bahasa pertama. Oleh itu, kesilapan-kesilapan bahasa kedua dapat diramalkan dengan membuat perbandingan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua.

Analisis Kesilapan tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh bahasa pertama. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa kedua sebagai akibat gangguan bahasa pertama hanya sedikit sahaja iaitu kira-kira 33 peratus. Hal ini ditegaskan oleh Richards (1971) dalam kenyataannya dalam "*George (1972) found that one third of the deviant sentences from second language learners could be attributed to language transfer*".

Kesilapan-kesilapan intralingual pelajar bahasa kedua adalah berdasarkan "*partial exposure to the target language*" (Richards, 1974:6). Kajian-kajian Analisis Kesilapan seterusnya merumuskan bahawa :

- i. Prestasi kanak-kanak serta pelajar bahasa kedua tidak banyak menggambarkan kesilapan-kesilapan tatabahasa bahasa pertama atau intralingual.
- ii. Pelajar-pelajar bahasa kedua banyak membuat kesilapan tatabahasa yang dapat dirujuk kepada persamaan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua. Kesilapan-kesilapan seperti ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya ada pindahan positif sahaja daripada bahasa pertama kerana menurut penyokong-penyokong Analisis Kontrastif, persamaan dalam bahasa pertama dan bahasa kedua memudahkan pemerolehan bahasa kedua.
- iii. Penilaian pelajar-pelajar bahasa kedua tentang salah betulnya tatabahasa kedua lebih dikaitkan dengan jenis ayat-ayat bahasa kedua daripada jenis ayat-ayat bahasa pertama.
- iv. Kesilapan-kesilapan fonologi daripada tatabahasa menunjukkan pengaruh bahasa pertama ke atas bahasa kedua.

d. Proses Pembinaan Kreatif

Chomsky (1967) menyatakan bahwa bahasa adalah unik dan pelajar-pelajar bahasa kedua adalah kreatif dan dinamis. Menurutnya, setiap individu dilahirkan bersama-sama dengan “*innate-grammar*” dan kemampuan untuk menggerakkan dan melahirkan peraturan-peraturan tatabahasa ini. Oleh itu, setiap individu akan mempunyai sistem bahasa yang tersendiri, unik dan kreatif.

Menurutnya, gerak utama yang membawa kepada pemerolehan bahasa ialah struktur kognitif atau “*Language Acquisition Device*” (*LAD*). *LAD* inilah yang menentukan struktur bahasa yang dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar bahasa kedua. Oleh hal yang demikian, proses pemerolehan bahasa ialah proses kognitif yang dipengaruhi oleh faktor-faktor bahasa pertama, bahasa kedua, pedagogi, personaliti, persekitaran dan budaya.

Oleh sebab itulah setiap pelajar membina semula bahasa sasaran mengikut strategi-strategi kognitif yang sejagat. Kesilapan-kesilapan sistematik yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa kedua menunjukkan bahawa mereka mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Sekiranya tiada berlaku kesilapan, ada kemungkinan bahawa pelajar hanya mengulang apa yang didengar atau mengelakkan penggunaannya.

e. Bahasa Antarabahasa (Interlanguage)

Bahasa Antarabahasa ini merujuk kepada sistem bahasa yang ada pada pelajar-pelajar bahasa kedua yang belum menguasai bahasa kedua. Selinker (1972) menggunakan istilah *Interlanguage* untuk menerangkan peringkat-peringkat bahasa pelajar daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Menurutnya, terdapat struktur-struktur psikologi terpendam yang digunakan apabila seseorang mempelajari bahasa kedua (Richards, 1974:29). Fenomena yang sama ini disebut sebagai Sistem *Approximative* oleh William Nemser dan *Transitional Competence* oleh Pit Corder.

Menurut Selinker (1972) lagi, *Interlanguage* pelajar bahasa kedua adalah sesuatu yang dinamis dan tidak dapat diuraikan dari segi bahasa pertama atau bahasa kedua, walaupun dipengaruhi oleh kedua-dua bahasa tersebut. Menurutnya *Interlanguage* adalah peringkat-peringkat peralihan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua dan sentiasa berubah-ubah semasa pemerolehan bahasa kedua. Selinker mengemukakan lima proses utama yang dapat menerangkan bahasa antarabahasa ini, iaitu :

- i. Pemindahan bahasa, iaitu gangguan daripada bahasa pertama.
- ii. Pemindahan latihan, iaitu item-item, peraturan-peraturan dan subsistem yang disalahgunakan sebagai akibat latihan.

- iii. Strategi pemelajaran bahasa sasaran. Pelajar bahasa kedua mungkin menghasilkan struktur-struktur ayat yang sudah dihayati atau mengelakkan penggunaan struktur yang sukar.
- iv. Strategi komunikasi bahasa kedua iaitu strategi untuk berkomunikasi secara penutur-penutur asli.
- v. Generalisasi yang berlebihan terhadap bahasa sasaran.

Nemser (1975), pula menggunakan istilah *Approximative System* untuk menerangkan fenomena yang sama, berkata bahawa bahasa pelajar bersifat dinamis iaitu berubah dari semasa ke semasa dan proses pemelajaran bahasa adalah *developmental*. Dengan itu, pelajar sentiasa mengubah suai sistem anatarabahasanya apabila didedahkan kepada unsur-unsur yang baru.

Satu fenomena yang menarik dalam bahasa antarabahasa pelajar bahasa kedua adalah konsep 'fossilization', iaitu

"Linguistic items, rules and subsystem which speaks of a particular native language will tend to keep in their interlanguage relative to a particular target language, no matter what the age of the learner or amount of explanation and instruction he receives in the target language."

(Richards, 1974:36)

Struktur-struktur fosilisasi ini sentiasa tampil dalam *Interlanguage* pelajar dan muncul terutamanya apabila pelajar sedang mempelajari sesuatu subjek yang baru dan susah, ataupun pelajar berada dalam tekanan ataupun kegembiraan. Yang menghairankan ialah struktur ini muncul juga apabila pelajar berada dalam suasana santai dan tenteram. Bahasa Antarabahasa pelajar-pelajar adalah unik dan dinamis dan sentiasa berkembang menuju ke bahasa kedua, walaupun bahasa ini bukan bahasa pertama atau bahasa kedua. Bahasa ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat :

i. Prasistematik

Pada peringkat ini, pelajar tidak menghayati sesuatu sistem bahasa kedua. Kesilapan yang dilakukannya adalah secara rambang. Kadangkala, dia mungkin menghasilkan struktur yang betul. Tetapi pada peringkat ini pelajar tidak dapat menerangkan sebab dia menggunakan struktur tatabahasa tersebut ataupun membetulkan kesilapannya.

ii. Sistematik

Pada peringkat bahasa antarabahasa ini, kesilapan yang dilakukan adalah *regular*. Pelajar-pelajar telah mempelajari sistem dan peraturan-peraturan bahasa kedua tetapi belum menguasainya. Apabila disuruh membetul kesilapan, pelajar tidak dapat melakukannya tetapi sedikit sebanyak dapat

menerangkan mengapa dia menggunakan peraturan-peraturan tersebut. Kesilapan ini adalah kesilapan kemampuan.

iii. Pasca Sistemik

Pada peringkat ini, pelajar menghasilkan bentuk-bentuk yang betul tetapi tidak konsisten. Dia telah menghayati peraturan-peraturan tatabahasa tetapi kadangkala membuat kesilapan kerana kurang prihatin atau terlupa. Apabila disuruh membetulkan kesilapan, pelajar sedikit sebanyak dapat berbuat demikian dan dapat menerangkan peraturan-peraturan tatabahasa itu. Kesilapan yang dilakukannya lebih berupa kesilapan penampilan (Corder dan Allen, 1979: 131).

2.3 Tinjauan Dan Kajian Penulisan Analisis Kesilapan Oleh Penulis-Penulis Barat

Melalui tinjauan yang dilakukan terdapat beberapa tokoh yang berperanan besar dalam memperkenalkan dan memperkembangkan teori Analisis Kesilapan. Kajian banyak dilakukan di barat bertumpu kepada Bahasa Inggeris. Di antara tokoh-tokoh itu ialah Pit Corder, Chomsky, Dulay dan Burt, Selinker dan Nemser. Kajian yang dijalankan di Sweden dan USA oleh Dulay dan Burt (1974), telah menghujahkan bahawa kesilapan yang muncul dalam bahasa kedua hanya sebanyak 33% daripada bahasa pertama. Punca-punca kesilapan yang lain adalah daripada

faktor-faktor '*interlanguage*' (antarabahasa) dan hipotesis yang dibuat tentang bahasa sasaran. Oleh itu, dalam menghuraikan punca-punca kesilapan dalam bahasa kedua dengan lebih sempurna, para teorist telah merujuk hipotesis Analisis Kesilapan. Analisis ini adalah satu set prosedur yang digubal untuk memberi penilaian dan penjelasan tentang perbezaan antara nahu pelajar bahasa pertama dengan nahu bahasa sasaran yang dipelajari. Teori ini akan dapat menjelaskan kesilapan-kesilapan produktif dan reseptif bahasa tersebut.

Dapatan kajian Dulay dan Burt jelas memperlihatkan bahawa kajian yang telah dilakukan oleh Corder, bahawa teori ini mampu menghuraikan pemerolehan bahasa kedua. Seajar dengan pendapat ini, para penganjur teori Analisis Kesilapan menegaskan bahawa oleh sebab setiap individu mempunyai keupayaan yang semulajadi dan terselindung, maka dia perlu didedahkan kepada situasi yang spontan untuk menggerakkan keupayaan tersebut. Pendedahan yang sederhana tidak memanfaatkan individu perlu aktif apabila membuat rumusan pengujian dan penggubalan hipotesis.

Selinker dan Corder, dalam Jamaliah Mohd. Ali (1990:336) telah memperkenalkan konsep *interlanguage* iaitu satu konsep yang amat penting dalam Hipotesis Analisis Kesilapan. Bagi menguatkan lagi hipotesisnya dengan memperkenalkan konsep '*interlanguage*' ini diharap akan memberi daya kefahaman kepada pengkaji akan datang. '*Interlanguage*' merupakan keadaan peralihan antara bahasa pertama dan bahasa kedua. '*Interlanguage*' mempunyai

sistem nahunya yang tersendiri, peraturan penggunaannya serta laras-laras bahasa tersendiri. Semasa pembelajaran meningkat maju, pelajar akan membuat rumus-rumus hipotesis berdasarkan keadaan nahu tatabahasa *interlanguagenya*. Jika terdapat kesamaan antara '*interlanguage*' dengan bahasa kedua, maka hipotesisnya pun akan menyamai peraturan tatabahasa atau nahu bahasa kedua. Dalam proses membuat hipotesis, kesilapan akan muncul. Apabila keadaan ini berlaku, pelajar akan mengkaji semula atau menolak hipotesis apabila membuat penjelasan mengenai kesilapan tersebut.

Mengikut Krashen (1981), pembelajaran bahasa lebih berkesan sekiranya diamalkan terus apa yang dipelajari. Ini membantu pelajar itu supaya fasih berbahasa dan membantunya menguasai bahasa tersebut secara progresif. Bahasa yang baik ialah bahasa baku, rasmi dan sesuai dengan suasana serta konteks. Bahasa ini juga bebas daripada semua jenis kesilapan bahasa. Guru harus menggunakan kaedah baru di mana kesilapan itu tidak harus didenda malah menjadi pengajaran. Bahasa itu sesuatu yang menggembirakan pelajar ketika belajar. Ini pasti mengikis rasa bebanan malah menambah minat untuk terus belajar bahasa.

Kajian yang dilakukan oleh Geoghegan (1934), beliau telah membuat pembaharuan dengan menggabungkan cara lama dan moden. Kajiannya termasuk aspek-aspek ejaan, tanda bacaan, penggunaan huruf besar, imbuhan, partikel, frasa, klausa dan ayat. Penambahan selain daripada aspek ejaan, tanda bacaan, huruf

besar dan imbuhan membuktikan kajian beliau dianggap sebagai kajian tatabahasa moden. Dapatan kajiannya menunjukkan 40.1% kesalahan berpunca daripada tanda bacaan dan 59.9% daripada aspek-aspek lain.

Kajian seterusnya dilakukan pada tahun 1955 oleh Anderson dan Staiger (1957), Strom (1960) serta Burn dan Troxel (1961) memberi tumpuan khusus kepada kesalahan tatabahasa yang terangkum di bawah aspek-aspek morfologi-sintaksis. Kajian pada tahun 70 an pula banyak memberi tumpuan kepada punca-punca yang menyebabkan pelajar-pelajar melakukan kesilapan. Kajian George (1972) yang menyatakan kesilapan pelajar boleh berlaku berdasarkan keadaan-keadaan berikut iaitu :

- a. Pelajar tidak menerima semua isi pelajaran yang didedahkan oleh guru kepada mereka.
- b. Menerima dengan salah atau tidak lengkap sesuatu isi pelajaran.
- c. Tersalah memilih bahagian-bahagian isi pelajaran untuk diproses dan dikekalkan dalam ingatan.
- d. Salah cara memproses (menginterpretasi) dan mengingati isi pelajaran.

- e. Gagal menerapkan isi pelajaran yang telah diterima dan diingati dalam konteks yang baru.

Bagi Stevens (1969) kesilapan itu bukan merupakan satu masalah asalkan guru bersedia menerimanya dengan sikap terbuka. Beliau juga menganggap kesilapan itu sesuatu yang normal, malah banyak yang boleh dimanfaatkan daripada kesilapan bahasa yang pelajar lakukan. Maklum balas tentang kelemahan serta kesilapan pelajar membolehkan guru membantu memperbaiki kelemahan pelajar. Pelajar dapat menyedari kelemahan diri dan cuba memperbaiki mutu bahasanya. Cara begini dapat membantu pelajar menguasai bahasa tersebut.

Corder (1974) menyatakan salah satu matlamat pemelajaran bahasa ialah untuk menguasainya sebaik mungkin. Namun di dalam proses penguasaan bahasa yang baik ini kita sering membuat kesilapan. Katanya lagi, manusia biasa memang membuat kesilapan. Penutur asli bahasa ibunda pun membuat kesilapan. Ini adalah biasa bagi manusia. Dalam perkembangan dan pembinaan menguasai bahasa, usaha yang dilakukan bertujuan untuk mengurangkan kesilapan dan akhirnya menuju ke peringkat bebas dari sebarang kesilapan. Norrish (1990) menyatakan Analisis Kesilapan dapat memaparkan kepada penyelidik kesukaran yang pelajar hadapi. Ini dapat membantu persiapan perancangan bahan pemelajaran bahasa. Maklumat tentang kesukaran dan kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan atau individu boleh digunakan sebagai panduan ketika membuat

perancangan bahasa. Panduan ini juga boleh digunakan untuk perancangan sukatan pelajaran yang lebih sesuai dan berkesan.

Richards (1975) menyatakan melalui Analisis Kesilapan penyelidik dapat mengukur peringkat pemelajaran bahasa pelajar. Setelah dinilai kesilapan serta mengenal pasti peringkatnya, maka penyelidik boleh merancang strategi pemelajaran bahasa yang lebih berkesan dan sesuai dengan kemampuan pelajar. Corder (1973) memberi sebab kenapa berlaku kesilapan bahasa. Antaranya adalah seperti berikut :

- a. Terlalu banyak peraturan di dalam bahasa tersebut, baik yang formal atau tidak formal.
- b. Pelajar tidak berhati-hati ketika menggunakan bahasa.
- c. Pengaruh mencampuradukkan bahasa dengan dialek.

Kajian yang dilakukan oleh George (1972) menampakkan kesilapan pelajar terletak pada bahu pelajar. Manakala kajian terdahulu yang dilakukan oleh Richards dan Selinker (1971) juga meletakkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca dari kesalahan pelajar. Beliau telah memperkenalkan istilah "Pengalaman Lampau". Pengalaman lampau berpunca dari pembedaan guru terhadap pelajar tetapi pembedaan itu telah disalahgunakan oleh pelajar.

Contohnya, pelajar menyebut perkataan 'boleh' dengan bunyi 'bolek', guru telah membetulkan bahasa bunyi 'h' pada akhir perkataan tidak boleh ditukar kepada bunyi 'k'. Kesilapan pelajar berlaku apabila semua perkataan yang berakhir dengan 'k' akan ditukar oleh pelajar dengan 'h'.

Selain dari kesalahan pelajar berpunca akibat kelalaian pelajar, Richards dan Selinker juga telah menambahkan bahawa faktor guru boleh menyebabkan kesilapan pelajar berlaku. Dalam kajian beliau, ketidakberkesanan proses pengajaran guru terutama lemah dalam penguasaan bidang yang diajar. Hal ini bertambah apabila guru gagal mengesan dan mengenal pasti di manakah kesilapan pelajar dan seterusnya membiarkan kesilapan berlaku berulang-ulang tanpa diperbetulkan.

Sharma (1981), menyatakan bahawa kesilapan bahasa berlaku sebab lupa, keliru dengan peraturan, lalai, gangguan emosi dan kurang latihan. Analisis Kesilapan bahasa penting, kata Strevens (1965) :

"The systematic analysis of recurrent errors, using the categories and techniques of modern linguistics is a fruitful area for further research. By concentrating on the more obvious points of the difficulties, it makes an immediate contribution to the task of language teaching".

(Stevens : 1965)

Stevens (1965) dan Corder (1967) menganggap pendekatan begini sebagai pendekatan diagnostik. Melalui kaedah ini guru dapat mengenali kesusahan yang pelajar hadapi. Guru juga dapat mengetahui punca kesusahan tersebut. Setelah mengetahui sebab dan punca kesusahan yang dihadapi oleh pelajar, peringkat seterusnya ialah membantu pelajar tersebut. Dengan cara begini pelajar akan dapat memahami serta menguasai bahasa itu dengan lebih senang, cepat dan berkesan. Kaedah begini juga dapat membantu pelajar mengatasi halangan yang dihadapinya dalam proses kontinum pemelajaran bahasa. Bimbingan dan pimpinan ini boleh mengurangkan kesilapan dan penyelewengan daripada bahasa baku atau rasmi.

Halliday (1973) telah memperkenalkan tujuh fungsi bahasa dalam kajiannya. Mengikut beliau, sekiranya seseorang penutur tidak mengikut fungsi bahasa ini, pada pandangannya pertuturan akan berlaku kesilapan dalam berbahasa. Antara tujuh fungsi bahasanya iaitu :

- a. Instrumental iaitu merujuk kepada bahasa itu alat untuk menyampaikan sesuatu seperti memerintah, maka bahasa yang perlu dipilih ialah bahasa perintah supaya kesilapan tidak berlaku dalam pemilihan kata.
- b. Pentertib (penentu) iaitu merujuk kepada bahasa itu boleh digunakan untuk mendisiplinkan seseorang. Bahasa ini digunakan untuk menggerakkan atau menentukan tindak balas sasaran, contoh dalam pemilihan kata :

“Berhenti pemeriksaan polis” bukannya “Tolong berhenti, polis hendak periksa”

- c. Bahasa itu untuk komunikasi iaitu mengikut pendapat Halliday, tiada bahasa yang tidak berkomunikasi. Pemilihan kata penting dalam mempengaruhi pertuturan. Contoh, bahasa bertengkar untuk pertenggaran supaya kesilapan tidak berlaku.
- d. Bahasa digunakan untuk fungsi peribadi iaitu merujuk kepada setiap orang mesti ada bahasanya sendiri. Contoh, orang dewasa ada bahasanya iaitu bahasa standard, dialek, bahasa memerintah dan lain-lain. Penutur bahasa ini perlu mengetahui bahasa peribadi sasarannya supaya dapat berkomunikasi dengan berkesan.
- e. Fungsi Heuristik iaitu merujuk kepada bahasa yang digunakan untuk menggambarkan dunia persekitaran dan luaran seseorang.
- f. Fungsi Imaginatif iaitu merujuk kepada penggunaan bahasa untuk sastera. Bahasa yang diluahkan untuk gambarkan luar dunia dan alam fizikal seperti abstrak, perasaan.

Contoh : “Engkau laksana bulan”.

Ciri-ciri bahasa imajinatif ialah *bahasa berirama, ada rentak, ada lagu dan ada nada*.

- g. Fungsi perlembagaan iaitu merujuk kepada penggunaan bahasa untuk mencapai sesuatu maksud dan ada hubungan yang khusus. Contohnya, bahasa digunakan untuk menyampaikan maksud atau mesej. Penggunaan bahasa penting di sini untuk membolehkan maksud penutur tercapai.

Corder (1981) seterusnya menyatakan bahawa perbuatan melakukan kesilapan bahasa itu adalah perkara biasa.

"We live in an imperfect world and consequently errors will always occur in spite of our best efforts"

(Corder :1981) dan

"We are all aware that in normal adult speech in our native language we are continually committing errors of one sort or another".

(Corder :1981)

Kesilapan yang dilakukan memaparkan satu pengajaran kepada pelajar seperti yang dikatakan oleh Brown (1980). Proses pembelajaran itu menjadi lebih berkesan setelah menyedari kesilapan yang dilakukan.

"Human learning is fundamentally a process that involves the making of mistakes"

(Brown :1980)

Richards (1974) telah membuat kajian di mana beliau cuba mengesan punca kesilapan bahasa pelajar Jepun, Cina, Burma, Perancis, Czech, Polish, Tagalog, Moari, Malteze, India dan Afrika Barat yang sedang mempelajari bahasa Inggeris. Katanya kebanyakan pelajar membuat kesilapan bahasa kerana salah analogi, tidak faham tatabahasa, cuai dan terpengaruh dengan bahasa ibunda masing-masing.

Politzer (1967) menyatakan satu cara untuk membantu pengetahuan kesusahan pelajar menguasai bahasa ialah dengan membandingkan sistem bahasa pertama dengan bahasa kedua. Daripada sini dapatlah dikenal pasti persamaan dan perbezaan sistem bahasa ibunda dan bahasa kedua. Perbezaan yang ada mungkin menyusahkan pelajar yang akhirnya menyebabkan berlaku kesilapan. Guru boleh menggunakan maklumat berkenaan untuk membantu pelajar apabila sampai pada sistem yang susah dan berbeza. Bennett (1974) menyatakan kesilapan itu adalah tanda kemajuan pembelajaran bahasa. Beliau seterusnya menyatakan bahawa pelajar-pelajar sering melakukan kesilapan bahasa kerana faktor-faktor berikut::

- a. Kesilapan menunjukkan terdapat kelemahan pada kaedah pengajaran.
- b. Kesilapan berlaku sekiranya bahasa itu tidak baku.

- c. Kesilapan berlaku sekiranya bahasa itu salah tatabahasa.
- d. Kesilapan berlaku sekiranya bahasa itu “*uneducated*” dan “*substandard*”.

Brown (1987) menyatakan proses penguasaan ialah proses kreatif yang memerlukan pengetahuan umum tentang keadaan sekitar, manusia, komunikasi dan bahasa. Katanya lagi dalam proses pembelajaran, manusia membuat kesilapan sama ada tersilap perkiraan, tersilap membuat keputusan dan tersilap membuat pertimbangan. Kesilapan bahasa ketika belajar sesuatu bahasa itu adalah perkara biasa. Corder (1967) menyatakan kesilapan adalah bukti pemelajaran berlaku. Penyelidik mendapati gambaran strategi dan kaedah yang pelajar gunakan ketika mempelajari bahasa ini. Burt dan Dulay (1972) menyatakan bahawa antara faktor yang mempengaruhi kesilapan bahasa pelajar ialah:

- a. Gangguan bahasa ibunda
- b. Masih belum menguasai bahasa sasaran
- c. Sociolinguistik
- d. Psikolinguistik

Brown (1987) menegur penyelidik terlalu menekankan kepada kesilapan pelajar. Penguasaan bahasa terdiri daripada kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Penyelidik Analisis kesilapan hanya meneliti hasil tulisan sahaja dan tidak menekankan kepada kesilapan bertutur, membaca dan kefahaman mendengar. Jacquelin Schachter (1974) dan Kleinmann (1977) menyatakan penyelidik Analisis Kesilapan tidak dapat menembusi strategi mengelak yang pelajar gunakan sewaktu menguasai bahasa. Pelajar Jepun dan Parsi pandai menggunakan strategi ini dengan mengelak menggunakan gaya bahasa yang susah dan menggunakan gaya bahasa yang mudah lantas mengelak membuat kesilapan. Gass (1984) menekankan pendekatan komparatif. Ini disokong oleh Celc-Murcia dan Hawkins (1985). Brown (1987) menyuarakan bahawa susah untuk membuat pemerhatian menyeluruh ketika membuat penyelidikan bahasa. Namun penyelidik harus mencuba melakukan apa yang terdaya iaitu:

- a. Yang boleh dilakukan ialah "*infer*" (mentafsir) hasil penulisan pelajar.
- b. Sekiranya keadaan pembelajaran bahasa bersifat beragam, keadaan ini menyukarkan penyelidik untuk meramal maksud ayat. Penyelidik boleh mentafsir ayat yang silap itu.
- c. Sekiranya penyelidik mengetahui bahasa ibunda pelajar, bolehlah bandingkan dua ayat itu. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan, penyelidik boleh menemubual pelajar tersebut.

Taylor (1975) menekankan "*interference*" iaitu gangguan bahasa pertama pada bahasa kedua. Taylor mengkaji dan mendapati pelajar Sepanyol banyak membuat kesilapan kata kerja. Richards (1971), membuat kajian tentang pelajar membuat kesilapan artikel 'the' dan 'a'. Berdasarkan huruf di atas, penyelidik mendapati antara punca kesilapan ialah penerangan guru tidak jelas dan tidak tepat sehingga menyebabkan pelajar membina konsep yang salah tentang apa yang diajar. Kajian-kajian yang telah dilakukan di barat banyak berlandaskan kepada bahasa pertuturan mereka iaitu bahasa Inggeris. Pengkaji juga akan membicarakan sedikit tentang kajian yang telah dilakukan di Malaysia yang banyak berlandaskan bahasa Melayu.

2.4 Tinjauan Dan Kajian Penulisan Analisis Kesilapan Oleh Penulis-penulis Tempatan

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan Analisis Kesilapan dalam bahasa Melayu. Kebanyakan kajian tidak secara keseluruhannya membincangkan tentang Analisis Kesilapan tetapi sebahagian besar menyentuh tentang aspek kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar.

Raja Mukhtaruddin (1967) telah membuat kajian terhadap mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya yang belum pernah mempelajari bahasa Melayu baku. Beliau mendapati bahawa kesilapan bahasa yang utama ialah kesilapan dalam pembentukan ayat, frasa dan pengimbuhan kata.

Alias Shamsuddin (1968), telah memeriksa penulisan karangan peperiksaan Malaysian Certificate of Education (M.C.E) bagi 797 orang sampel. Beliau telah melaporkan bahawa sebanyak 88% adalah kesilapan pengimbuhan. Pada tahun 1969, beliau sekali lagi telah membuat analisis dari segi nahu dan perbendaharaan kata terhadap 200 buah karangan Bahasa Melayu yang ditulis oleh pelajar-pelajar tingkatan 5 dari sekolah menengah Inggeris dan sekolah menengah Cina di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Daerah Seremban dan Melaka. Hasilnya 88% adalah kesilapan nahu, 5% kesilapan ayat, 4% kesilapan klausa dan 3% kesilapan penggunaan kata. Punca utama kesilapan ialah kaedah pembelajaran, gangguan bahasa ibunda dan pengajaran yang kurang berkesan serta akibat daripada kekeliruan analogi bentuk-bentuk yang telah mereka pelajari.

Yap Soon Hock (1974) dalam kajiannya mengenai bentuk-bentuk kesilapan yang dilakukan oleh murid-murid darjah 4, 5 dan 6 di Sekolah Rendah Sri Petaling dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris. Hasilnya didapati bahawa murid-murid itu telah melakukan kesilapan dari segi pembentukan kata (47.89%), ejaan (4.38), tanda baca (14.1%), struktur ayat (12.55%) dan penggunaan huruf besar (9.07%). Beliau mendapati bahawa peringkat darjah tidak mempengaruhi kesilapan pembentukan kata, struktur ayat dan tanda baca. Kesilapan ejaan semakin berkurangan apabila peringkat darjah meningkat.

Tran Thi Chan (1975) dalam kajiannya mendapati bahawa kesilapan bahasa berlaku di kalangan pelajar berpunca daripada gangguan 'interlingual' (50%) dan

'intralingual', (27%). Selain dari itu pengaruh bahasa asing juga menyumbang kepada kesilapan bahasa. Kajiannya lebih memfokuskan kepada kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa kedua.

Koh Boh Boon (1992) yang dipetik dalam Ab. Rahim Mahmood (1996:32) telah membuat kajian ke atas guru pelatih yang sedang mengikuti kursus dalam pengkhususan kaedah Bahasa Malaysia mendapati bahawa 13 istilah tatabahasa KBSM yang tinggi kekerapan kesalahannya dengan kadar 25% seperti sendinama dan kata kerja transitif. Kesimpulan kajiannya menunjukkan sampel lemah dalam istilah sintaksis berbanding dengan istilah morfologi.

Ridzuan Ahmad (1981) dalam mengkaji penguasaan imbuhan Melayu di kalangan guru pelatih tahun pertama Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur mendapati bahawa penguasaan imbuhan Melayu di kalangan guru pelatih Melayu tidak berapa memuaskan. Kesilapan yang ketara dalam penggunaan imbuhan kata kerja ialah {meN}, {beR} dan {di}. Bagi guru pelatih bukan Melayu pula, taraf penguasaan dalam aspek ini lebih rendah iaitu tiga kali ganda daripada kesilapan guru pelatih Melayu.

Arbak Othman (1982) dalam kajiannya mengenai bidang penggunaan imbuhan morfem terikat {me-} terhadap kertas jawapan calon-calon yang mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1975 dan 1976 mendapati

6585 calon membuat kesilapan dalam penggunaan morfem terikat *{meN}*, *{beR}*, *{teR}*, *{di}*, *{se}*, *{ke....}* dan *{peR}*

Mashudi Kadir dan Darwis Harahap dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kadir (1989:59) telah membuat kajian tentang kesilapan bahasa yang terdapat dalam akhbar Mingguan Malaysia. Antara kesilapan yang ditemui ialah kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan kata, kesilapan penggunaan tanda sempang untuk kata berulang, kesilapan kata tugas, kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan frasa, kesilapan ayat dan kesilapan kata ganti diri.

Abdul Aziz Abdul Talib (1987:210) telah mengkaji kesalahan ejaan baru bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat. Seramai 289 orang pelajar tingkatan empat daripada tujuh buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan telah dijadikan sampel. Kajiannya menunjukkan bahawa prestasi mengeja pelajar masih rendah walaupun sudah berada di peringkat sekolah menengah atas.

Sharifah Fakhariah dan Teoh (1986) telah membuat kajian analisis kesilapan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap sekumpulan pelajar tingkatan 1 di Sekolah Menengah Perempuan Pulau Pinang dalam penulisan esei. Hasil kajiannya mendapati bahawa pelajar-pelajar ini membuat kesilapan dari segi tatabahasa seperti penggunaan imbuhan *meN-* (38%), *meN...kan* (12%), *beR-* (28%) dan *ke...an* (10%).

Awang Sariyan (1987) telah membuat kajian terhadap penggunaan bahasa dalam penulisan esei bagi calon-calon peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Dalam kajiannya, beliau menyatakan para calon banyak melakukan kesilapan dari segi pengimbuhan {meN}, {beR}, {kan}, {an...} dan {...i}. Ini menyebabkan calon-calon gagal mendapat markah yang baik dalam peperiksaan.

Mengantar Simanjuntak (1989) pula memberi sebab berlakunya kesilapan bahasa adalah disebabkan oleh penggunaan bahasa Malaysia yang semakin luas dan sukar. Beliau menganggap kesilapan yang dilakukan dapat dimaafkan untuk perancangan pembinaan serta perkembangan bahasa seterusnya. Mengantar Simanjuntak juga tidak bersetuju kesilapan dianggap sebagai pencemaran bahasa sebab kesilapan bahasa yang berlaku adalah kecil sahaja. Menurut beliau kesilapan yang dilakukan boleh dimanfaatkan untuk perancangan, pembinaan dan perkembangan bahasa seterusnya.

Kajian oleh Awang Mohammad Amin (1990) telah dilakukan terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah di Selangor Darul Ehsan. Beliau mendapati pelajar-pelajar banyak melakukan kekerapan kesalahan kata dan jenis-jenisnya, kekerapan kesalahan ayat dan jenis-jenisnya dan kekerapan kesalahan bahasa. Kajian beliau adalah berdasarkan analisis karangan pelajar-pelajar.

Awang Sariyan dan Mohd Sahari Nordin (1990) telah membuat kajian terhadap guru-guru pelatih dari Universiti Islam Antarabangsa yang telah ditempatkan di Pahang dan Terengganu. Melalui kajian, mereka mendapati kekerapan aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh guru-guru pelatih tersebut meliputi aspek sintaksis, morfologi, penggunaan istilah dan kata. Mereka telah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan kesalahan ini berlaku iaitu :

- a. Guru-guru pelatih tersebut kurang mendalami aspek-aspek sistem bahasa.
- b. Sikap guru-guru pelatih tersebut yang tidak berusaha meningkatkan penguasaan bahasa mereka di luar ruang kuliah dan tutorial.
- c. Desakan penggunaan bahasa baku kepada guru pelatih hanya dipraktikkan untuk tujuan kursus sahaja. Ini menyebabkan wujudnya kesilapan komunikasi dengan pelajar.

Halimah Hj. Ahmad (1993) dalam kajiannya mengenai kes kesilapan bahasa Melayu dalam penulisan karangan surat kiriman tidak rasmi oleh pelajar Cina. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar ini telah melakukan kesilapan dari segi penggunaan ungkapan, tanda baca, kesilapan kata kerja, penggunaan huruf besar, kata hubung, kesilapan ejaan kata majmuk dan ganti nama diri.

Norafidah Tajuddin (1994) telah membuat kajian analisis kesilapan terhadap seorang pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Inggeris. Kajiannya mendapati bahawa terdapat 34 kesilapan iaitu 10 kesilapan Interlingual dan 24 kesilapan Intralingual. Hal ini disebabkan oleh gangguan bahasa pertama dan gangguan bahasa kedua.

Ab. Rahim Mahmood (1996) telah membuat kajian kesilapan aspek morfologi di kalangan pelajar-pelajar Pra Akademi Islam Universiti Malaya. Mengikut kajian beliau, pelajar-pelajar ini tidak begitu menguasai dengan baik dua aspek morfologi iaitu morfem dan pengelasan kata.

Kajian Mohd Amin Yusof (1997) ke atas guru pelatih Maktab Rajang Bintagor, Sarawak mendapati bahawa guru pelatih bumiputera masih melakukan kesilapan menggunakan bahasa Melayu melalui kemahiran bahasa tulisan. Ini menunjukkan walaupun guru pelatih bumiputera dan bukan bumiputera belajar Bahasa Melayu di peringkat tinggi namun masih lagi memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada pensyarah di maktab perguruan.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian di barat dan di Malaysia, jelas menunjukkan bahawa aspek yang sering menimbulkan kesilapan dan kesulitan dalam pembelajaran bahasa ialah tatabahasa dan ejaan. Kajian analisis kesilapan seperti

yang dibincangkan dalam bab ini banyak memberi manfaat kepada pengkaji untuk mengkaji kesilapan bahasa yang dilakukan oleh guru pelatih dalam penulisan esei mereka.